



**[THE ROLE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN BRINGING  
TRANSFORMATION TO SOCIAL MOBILITY IN SOCIETY]**

**PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM MEMBAWA TRANSFORMASI  
TERHADAP MOBILITI SOSIAL DALAM MASYARAKAT**

MUHAMMAD ZULAZIZI MOHD NAWI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia

\*Corresponding author: [zulazizi0902@gmail.com](mailto:zulazizi0902@gmail.com)

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

**Abstract**

*Nowadays, the role of Islam as a spiritual and moral foundation has resulted in the true civilization of a nation. Islam is a rule that must be obeyed and practiced by the people so that the atmosphere of harmony can be maintained, cherished and symbolized to prosper the country. The formation of a community that practiced Islam, in keeping with the objective of education itself, especially in developing Rabbani minds. Nonetheless, the objective of Islamic education which encompasses the context of well-being and the integrity of the social as well as society as a whole must understand and recognize the responsibility of Islamic education teachers (GPI) in this regard. Therefore, this study is a preliminary review of GPI's role in society. This study was conducted using the library methods and data which is the source of discussion obtained through library research. The results show that GPI's reputation in the community is very significant because they are transformational agents who not only focus on the task of educating themselves but also serve as a social mobility to the public.*

**Keywords:** *Islamic education teachers, transformation agent, social mobility, society.*

**Abstrak**

Dewasa ini, peranan Islam sebagai dasar kerohanian dan sahsiah menatijahkan nilai ketamadunan sebenar sesebuah negara. Islam adalah suatu aturan yang perlu dihayati dan diterapkan dalam kalangan masyarakat agar suasana harmoni dapat terus dipelihara, dihargai dan menjadi simbol untuk memakmurkan negara. Pembinaan sesebuah masyarakat yang mengamalkan Islam, bersinambungan dengan hala tuju pendidikan itu sendiri khususnya dalam membangunkan minda Rabbani. Sungguhpun begitu, hala tuju pendidikan Islam yang merangkumi konteks kesejahteraan dan keutuhan aspek sosial serta masyarakat keseluruhannya perlulah memahami dan mengiktiraf tanggungjawab guru pendidikan Islam (GPI) dalam perkara ini. Oleh sebab itu, kajian ini merupakan sorotan awal terhadap peranan GPI dalam masyarakat. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah deskriptif dan data yang menjadi sumber perbincangan diperoleh melalui

penyelidikan kepustakaan. Hasil kajian mendapati martabat GPI dalam komuniti dilihat sangat signifikan kerana mereka adalah agent transformasi yang tidak hanya memfokuskan tugas mendidik semata-mata bahkan berperanan menjadi mobiliti sosial kepada khalayak ramai.

**Kata kunci:** Guru pendidikan Islam, agent transformasi, mobiliti sosial, masyarakat.

**Cite as:** Muhammad Zulazizi Mohd Naw. 2020. Peranan Guru Pendidikan Islam dalam membawa Transformasi terhadap Mobiliti Sosial dalam Masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 178-188.

## PENGENALAN

Pendidikan Islam adalah pendidikan berasaskan faktor Rabbaniyah yang bertunjangkan sumber Ilahiah. Kebanyakan ilmuwan pendidikan Islam seperti Hasan Al-Sharqawi, Fathi Yakan, Abdullah Nasih Ulwan, Abdul Halim El-Muhammady, Azyumardi Azra, Shamsul Nizar dan lain-lain lagi menerangkan istilah sebenar pendidikan Islam adalah suatu cara melahirkan manusia berpengetahuan, bermoral, berakhlak mulia, sayang dan kasih kepada tanah air, sihat tubuh badan, sempurna akal, jujur dalam pekerjaan dan hidup bergantung sepenuhnya kepada kalamullah serta hadis baginda s.a.w

Hari ini, pendidikan Islam telah mengalami transformasi selaras dengan modernasi dan globalisasi semasa. Kelahiran dan perantikan Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi dan rasul terakhir merupakan detik permulaan kepada zaman baharu dalam bidang pendidikan Islam. Objektif Baginda s.a.w pada masa itu adalah untuk menanam pokok iman dalam jiwa manusia. Dasar pendidikan Islam yang bertunjangkan kepada kalamullah, hadis Rasulullah s.a.w, dan *ijma' as-sahabah* (pandangan para sahabat) telah banyak membantu ahli masyarakat pada zaman tersebut untuk kembali kepada fitrah dan membawa suatu matlamat yang bertamadun. Nilai estetika pendidikan Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w dari Allah s.w.t berjaya memberikan jalan kesempurnaan hidup kepada masyarakat sama ada individu atau berkelompok baik bagi kehidupan di alam fana ini mahupun kehidupan di alam abadi sana. Sudah pasti, martabat dan darjat sebagai manusia juga dapat diperoleh hasil usaha pendidikan Islam yang didapatinya (Subhan, 2013).

Jadi, artikel ini hanya menelusuri berkenaan elemen-elemen penting pendidikan Islam dalam masyarakat dan konsep guru kamil secara terperinci. Perbincangan mengenainya adalah berteraskan kepada data literatur yang diperoleh melalui penyelidikan kepustakaan. Metode deskriptif ini digunakan juga bagi menghuraikan setiap peranan yang perlu dimainkan oleh guru pendidikan Islam kepada masyarakat sebagai agent perubahan yang mencakupi hakikat sosialisasi.

## UNSUR PENDIDIKAN ISLAM DALAM MASYARAKAT

Elemen-elemen pendidikan Islam dalam membangunkan komuniti masyarakat sekurang-kurangnya terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu:

### 1. Adab

Bagi membangunkan manusia yang sempurna, seseorang itu (pendidik) hendaklah mempertontonkan adab melalui perbezaan peraturan, amalan, dan kecerdasan akal dalam membuat pilihan yang betul. Menurut Rosenthal (1992) adab mempunyai makna yang luas kerana ia melibatkan sahsiah, tatasusila, perbuatan, tatatertib, moral, kesantunan dan sebagainya yang menunjukkan kepada perkara pembelajaran. Adapun adab boleh dikaitkan dengan sistem nilai yang berlandaskan kepada al-Quran, as-Sunnah, nilai-nilai alamiah (sunnatullah), nilai yang bersumberkan dari sistem kemasyarakatan sesama manusia pada waktu dan ruang sehingga dapat berubah-ubah (fleksibel). Menurut Sayyid Abul A'la al-Maududi sebagaimana di dalam tulisan Putra (2016), terdapat tiga kriteria adab iaitu:

- a. Keredaan Allah dan rasul-Nya adalah matlamat sebenar orang-orang Mukmin serta menjadi hala tuju bagi mencetuskan konsep manusiawi
- b. Urusan kehidupan manusia berdiri di atas *adabil Islami* secara keseluruhan, manakala nafsu serakah dan angan-angan dibentangkan daripada mengganggu hidup manusia.
- c. Tuntutan Islam yang utama kepada manusia adalah supaya mendirikan sistem kehidupan yang dipenuhi dengan kebajikan dan bebas daripada kemungkaran

### 2. Etika

Dalam Islam, etika dipanggil akhlak kerana bersumberkan al-Quran dan Hadis. Kedua-duanya, terdapat berbagai-bagai prinsip yang boleh dijadikan panduan kehidupan manakala Rasulullah s.a.w pula merupakan model dan entiti mithali yang terbaik kepada manusia (Ahmad & Tamuri, 2010). Dalam al-Quran, Allah S.W.T sendiri telah mengiktiraf akhlak kebitaraan yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w melalui yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang agung” (Surah al-Qalam 68: 4).

Seterusnya, Rasulullah s.a.w juga diutus untuk mengajak manusia agar beribadah hanya kepada Allah s.w.t sahaja dan memperbaiki akhlak seluruh manusia. Ini dinyatakan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

Sesungguhnya saya dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia (Hadis riwayat al-Bukhari, no 273).

Sehubungan itu, etika dapat disimpulkan kepada aspek zahir, batin dan perilaku yang perlu ada dalam diri seseorang atau kelompok masyarakat. Maka tidak hairanlah jika terdapat individu yang mengaitkan kemoralan atau etika dengan kemasyarakatan yang biasa juga disebut sebagai kelaziman, budaya, kebiasaan, adat dan nilai yang mesti diikuti oleh seseorang individu.

### 3. Akhlak

Peranan utama pendidikan Islam adalah mentransformasikan akhlak yang tidak jelik kepada perkara mulia dan memperbaiki kualiti akhlak yang sedia baik supaya bertambah baik (Hilmi, 2004; Omar, 2005). Al-Quran dan Hadis adalah isi utama akhlak yang merangkumi dasar (rujukan) pendidikan Islam. Selain itu, sumber pendidikannya adalah daripada ajaran Allah s.w.t yang terdapat dalam al-Quran dan pelaksanaannya telah ditonjolkan oleh Baginda s.a.w

sehari-hari. Omar (2005) menyatakan pengertian sebenar mengenai pendidikan Islam dan akhlak dalam masyarakat dengan memberikan empat (4) tugas utama iaitu:

- a. Memimpin generasi muda untuk menerajui tampuk pentadbiran dan penguasaan sesuatu kawasan dengan manhaj Islamiah
- b. Membimbing generasi muda ke arah ilmu pengetahuan agar terus amanah, berdaya maju dan kekal teguh dalam meneruskan perjuangan Islam
- c. Menabur nilai-nilai Islam bagi menjaga kehendak dan perpaduan masyarakat selain menjadi prasyarat utama meneruskan kehidupan serta membina peradaban.
- d. Mendidik pelajar agar terus bercucuk tanam (melakukan amal) di dunia ini dan menuai hasilnya di akhirat kelak.

Di samping itu, Safar et al. (2014) menyenaraikan sedikit inti pati daripada hasil penulisan Yaljan (1986) mengenai hakikat mutlak pendidikan akhlak terhadap masyarakat setelah pendidikan Islam diterima. Antaranya ialah:

- a. Pendidikan akhlak berperanan membentuk kecenderungan individu terhadap perilaku baik dan menjauhi perilaku buruk sehingga lahirnya cendekiawan berakhlak mulia dan mampu menyumbang kepada penjaan kemanusiaan.
- b. Membentuk semangat persaudaraan sesama manusia. Manusia pada dasarnya tidak boleh hidup dengan sendiri dan memerlukan hubungan dengan individu ataupun benda lain sebagai pertolongan.
- c. Membina pengetahuan tentang kehidupan sosial. Jika masyarakat diibaratkan sebagai tubuh, individu pula adalah anggota, maka akhlak adalah tali pengikat setiap anggota pada tubuh. Jika, individu itu tidak beramal dengan konsep akhlak, bermakna longgarnya ikatan dan terlerailah semua persaudaraan antara individu dalam masyarakat.
- d. Membina perwatakan mulia dan atma yang baik. Akhlak yang baik bukanlah perkara yang terpisah, bahkan ia adalah teras Islam yang menjadi tongkat buat manusia agar kukuh membina hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia, hubungan seluruh isi alam yang meliputi kehidupan akan mengukuhkan lagi konteks rohani dan jasmani.

Semestinya pendidikan Islam merangkumi elemen afektif atau kejiwaan yang telah menjadi kepercayaan dan penggerak utama. Pendidikan Islam juga meliputi aspek didikan luaran, khusus didikan sesuatu perilaku itu sendiri yang dilaksanakan tanpa paksaan atau tekanan persekitaran seperti perubahan peribadi atau sebagainya. Perbuatan-perbuatan itu pula hendaklah dididik secara berterusan sehingga menjadi salah satu kemampuan (meresap dalam) rohaninya, kemudian buahnya berujud keutamaan, kebaikan, dan cinta bekerja untuk memanfaatkan tanah air.

## **GURU KAMIL**

Ajuhary (2015) mengatakan bahawa, bagi memastikan kesinambungan antara kebaikan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dengan mendidik, Guru Pendidikan Islam (GPI) seharusnya mempunyai nilai-nilai perwatakan yang terpuji, ketokohan dan keperibadian yang terbaik. Teknik pengajaran juga memainkan peranan penting terhadap pembentukan karakter seorang guru. Ambillah keteladanan daripada Rasulullah s.a.w dalam mendidik para sahabat. Baginda s.a.w mengguna pakai pedagogikal yang terbaik dan bersepadu seperti mana seorang pendidik

yang bagus, iaitu menghindari daripada dibelenggu daripada hawa nafsu, sentiasa bersopan santun, cekal hati serta sangat sabar ketika mendidik.

Selain itu, GPI perlu menambah baik kaedah pedagogikal secara berterusan agar dapat menguasai pelbagai maklumat dan membentuk kecekapan yang bersesuaian selaras dengan era sains dan teknologi (Ishak et al., 2017). Kemampuan semasa pengajaran oleh guru pendidikan Islam banyak bersinambungan dengan aspek guru itu sendiri sebagai pemangkin terhadap kemajuan dan peningkatan sahsiah pelajar, fasilitator dalam pembelajaran pelajar, penggerak kepada usaha mendidik pelajar, pembimbing dan model, pembelajaran dan pembuat keputusan dalam menggunakan peluang yang terluang untuk memberikan kebajikan pelajar.

Kepakaran guru Muslim sangat diperlukan dalam usaha melakukan tanggungjawab mendidik dan memimpin pelajar serta masyarakat secara lebih efektif. Menelusuri kebitaraan dan keluhuran ciri-ciri yang ada pada Rasulullah s.a.w, sekiranya dapat diintegrasikan dalam setiap jiwa guru akan dapat menjadi “role model” kepada pelajar dan masyarakat. Tengku Nor Husna et al. (2019) menukilkan dalam kajiannya bahawa, sekurang-kurangnya lima aspek yang wajib ada dalam jiwa pendidik Muslim iaitu Muaddib, Murabbi, Mursyid, Mu'allim dan Mudarris yang dikenali sebagai model (5) M. Antaranya ialah:

#### 1. Muallim

Muallim dalam dunia Pendidikan Islam disamaertikan sebagai seorang individu yang menyampaikan prinsip ajaran Islam yang bukan sahaja akan digunakan oleh pelajar malah akan diamalkan oleh masyarakat keseluruhan terutama dalam meneruskan kehidupan harian selaras dengan peranannya sebagai seorang hamba Allah (Muhamat Kawangit, 2016). Dalam komponen pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah pula, peranan GPI di kelas banyak menggunakan kurikulum berasaskan silibus yang telah ditetapkan. Maka sebagai muallim yang berpengetahuan, beramal soleh dan berdisiplin, proses penyampaian sesuatu ilmu akan lebih teratur jika mengikut peraturan bilik darjah yang telah ditetapkan.

#### 2. Muaddib

Dalam Islam muaddib berasal dari kata dasar *ta'dib* yakni untuk membentuk diri manusia supaya menjadi Muslim yang berpengetahuan, bertakwa, berakhlak mulia serta mendidik diri menjadi hamba Allah yang beriman (Muhamat Kawangit, 2014). Dalam pada itu, Muaddib memberi maksud mendidik ke arah memperbaiki personaliti dalaman pelajar. Pendidik yang muaddib merupakan individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan pendidikan bertamadun (Jasmi & Tamuri, 2007). Tugas seorang muaddib juga adalah untuk memberikan kefahaman terhadap pelajar tentang gaya hidup bersosial secara baik. Dari segi perspektif afektif pula, pelajar diterapkan dengan nilai kasih sayang, menghargai keindahan, tidak melakukan perkara menjahanamkan diri dan melaksanakan tugas dengan efisien dan komprehensif. Contohnya, pelajar diberikan panduan dan pedoman untuk melakukan solat dengan ‘*takmaninah*’, tertib dan khusyuk hanya kepada Allah s.w.t.

### 3. Mursyid

Seorang Mursyid dianggap telah mencapai martabat yang mampu menjadi pakar rujuk, berkemampuan untuk menentukan keputusan sendiri dan berupaya menyelesaikan kepincangan pendidikan yang tidak mampu dilaksanakan oleh guru-guru lain. Guru yang boleh berperanan sebagai seorang mursyid adalah sangat sedikit bilangannya kerana guru tersebut semestinya hanya mampu menggalas tugas sebagai Mualim, Mudarris, Muaddib dan Murabbi di samping mengajak dirinya sendiri untuk menimba ilmu pengetahuan, melakukan kajian sekitar bilik darjah, melakukan tambah nilai pada maklumat dan amalan serta memperbaiki tahap keimanan kepada Allah.

### 4. Murabbi

Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran:

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku masa kecil (Surah Al-Isra', 17: 24)

Berdasarkan ayat di atas, definisi murabbi daripada kata dasar tarbiah bermaksud berkasih sayang, menjaga, mendidik ketika masih kecil sehingga usia dewasa (Jasmi & Halim Tamuri, 2007; Muhamat Kawangit, 2016). Selain mengajar, menyampaikan ilmu, mendidik dan membimbing pelajar, seorang GPI hendaklah melaksanakan peranan mengurus serta mengatur persekitaran bilik darjah sama ada fizikal ataupun spiritual. Seorang Murabbi perlulah bersifat bijaksana, berinovasi atau pandai mengolah idea-idea luar biasa berkaitan metodologi pengajaran dan pembelajaran. Sekaligus menjadi seorang penyelidik yang boleh merefleks perilakunya dan berusaha untuk memperbaiki perbuatan tersebut demi kejayaan dirinya serta pelajar-pelajarnya

### 5. Mudarris

Pengertian mudarris membawa maksud kriteria yang ada pada pengajar yang berpengaruh yang melibatkan perkara pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula daripada prosedur induksi sehingga kepada refleksi atau pentaksiran sendiri. Skop Mudarris lebih memberikan tumpuan kepada aspek amalan pengajaran guru yang berkesan seperti mahir dalam mempelbagaikan teknik pengajaran, bijak dalam menyesuaikan diri dengan iklim bilik darjah, berkepakaran dalam bidang yang dipelajari dan sangat profesional semasa membuat keputusan.

## **PANDANGAN TOKOH PENDIDIKAN TERHADAP GURU KAMIL**

Jasmi (2010) menyatakan bahawa, penglibatan GPI secara aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan seperti berpidato di masjid mahupun memberi tazkirah di surau, mencari jalan untuk membuka kelas mengaji al-Quran dan asas fardu ain pada terluang (waktu malam atau hujung minggu), pandai berkarya dan mengirim penulisan di mana-mana medium seperti

majalah atau akhbar yang bersesuaian dengan kriteria seorang murabbi atau pemangkin transformasi (transformation catalyst) mengikut pengertian yang dinyatakan dalam Model Perubahan Terancang (Havelock, 1973). Pada pandangan Taat et al. (2012), guru GPI seharusnya memiliki kriteria murabbi (penjaga), mursyid (pemimpin dalam hal rohani), muaddib (pengasuh akhlak), mualim (pemberi ilmu pengetahuan), dan mudarris (pengajar subjek). Tidak ramai GPI yang mempunyai kriteria-kriteria seperti ini yang berkemungkinan disebabkan beberapa asbab antaranya identiti diri, keperibadian, gaya asuhan dan pertautan serta kepercayaan. Abd Rahman (2016) pula menyatakan GPI adalah Mudarris (berkemahiran dalam pedagogikal moden), Muaddib (berkemampuan menyemai nilai sahsiah mulia dalam pembangunan tamadun insani), Murabbi (berpengetahuan dalam psikologikal Islamik), Mursyid (berkaliber dalam mengurus dan memimpin sosioemosi dengan kondusif) dan Mualim (menelusur sesuatu maklumat untuk disajikan kepada pelajarannya).

## AGENT TRANSFORMASI

Selaku agent perubahan, GPI perlulah selalu memainkan peranannya dan sentiasa meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing. Sudah sampai saatnya guru pendidikan Islam diberi kebebasan dan pilihan bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah bahkan sebagai agent perubahan. Guru pendidikan Islam juga dikatakan insan pewaris Nabi Muhammad s.a.w yang perlu proaktif, kreatif dan inovatif dalam meningkatkan martabat perguruan agar terus dihormati, disegani dan disanjung tinggi oleh orang ramai. Antaranya ialah:

### 1. Golongan Berilmu

Mana-mana individu yang boleh dinilai dan diberi jolokan sebagai guru termasuk guru pendidikan Islam seharusnya menguasai pelbagai ilmu pengetahuan Islam dengan baik, khususnya terhadap subjek pengajaran. Mereka juga hendaklah mempunyai pelbagai jenis ilmu pengetahuan sampingan yang lain seperti ilmu astronomi, ilmu hisab, ilmu psikologi, ilmu sosiologi, ilmu sejarah, ilmu kesusasteraan, ilmu linguistik dan sebagainya. Pemikiran guru terhadap sesuatu ilmu lebih-lebih lagi mata pelajaran yang diajarnya hendaklah secara mendalam hingga ke tahap meyakinkan diri sendiri, pelajar-pelajarnya dan masyarakat setempat (Jaafar @ Mustapha et al., 2012).

Mereka hendaklah benar-benar berilmu dan dapat meyakinkan pelajar tentang keilmuwannya sehingga dianggap sebagai ulama. Guru Pendidikan Islam (GPI) terutamanya pada kaca mata masyarakat akan di tafsir dari pelbagai sudut terutama dari aspek kepimpinan, perwatakan dan keupayaannya. Mereka bukan sahaja perlu memiliki pelbagai ilmu pengetahuan secara mendalam dan pendidikan yang sempurna, bahkan hendaklah istiqamah dalam beramal dengan ilmu yang diperoleh. Amal ibadat yang dilakukan secara berterusan berserta dengan disiplin-disiplinnya akan menjadikan mereka taat kepada ajaran agama, warak dan bertakwa kepada Allah. Berlandaskan situasi tersebut maka lahirlah sifat tulus, mukhlis, terpercay dan rasa tanggungjawab terutama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam

## 2. Golongan Berkemahiran

Kemahiran yang dimiliki oleh seseorang GPI juga menjadi ukuran dalam menentukan ciri-ciri GPI yang berkesan selain aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP), keperibadian dan keilmuannya (Al-Ghazali t.th; Dunkin & Biddle, 1974; Jasmi, 2010). Menurut Ba'albaki (2003), kemahiran dalam Bahasa Arab disebut sebagai maharah yang mempunyai banyak maksud seperti kecepatan, kepakaran, kebijaksanaan, kemahiran dalam sesuatu kerja atau reka bentuk dan kepandaian bertukang.

Menurut Gerges (2005), kemahiran adalah suatu kebolehan dan kesediaan yang didapati daripada banyak pengalaman yang dilalui, penyelidikan dan suatu pembelajaran sepanjang hayat. Kemahiran termasuklah ilmu pengetahuan, penyampaian maklumat, memahami isu-isu semasa, mahir dalam penyelidikan dan mahir dalam menghadapi masalah sosial masyarakat sekarang. Kemahiran yang perlu dimiliki oleh GPI agar penyampaian ilmu yang disampaikan lebih berkesan ialah kemahiran dalam penggunaan teknologi, kemahiran seni suara, kemahiran melukis dan mewarna, kemahiran berbahasa asing dan juga kemahiran psikologi dan kaunseling (Jasmi, 2010; Jasmi & Md. Saleh @ Masrom 2016; Gani Hamzah et al. 2010; Shaari, 2008)

## 3. Golongan Pendakwah

Status mereka sebagai guru adalah tinggi dalam mendidik masyarakat (Tamuri et al., 2012; Hj Siren et al., 2017). Mereka bukan sahaja berperanan membentuk kemenjadian manusia di sekolah, bahkan turut berperanan membentuk minda, perlakuan umat, mengembangkan ilmu, meningkatkan kemahiran dan kebijaksanaan masyarakat. Oleh itu, agen transformasi sosialisasi perlu digalas oleh GPI agar GPI boleh menjalankan amanahnya sebagai dai dalam tugas sehariannya. Zainal & Mustari (2012) telah menyatakan bahawa, antara kaedah menyampaikan tarbiah yang perlu diketahui dan dipelajari oleh guru pendidikan Islam sebagai pendakwah ialah:

### a. Bil Hikmah

Secara mudah, hikmah bererti bijaksana. Bijaksana membawa maksud meletakkan suatu perkara dengan wajar. Sedangkan perkara yang wajar pula bergantung kepada situasi. Setiap perbuatan atau amalan menjadi serasi dengan seseorang, tetapi tidak serasi dengan orang lain. Mungkin serasi atau sepadan pada satu-satu masa, akan tetapi tidak berapa serasi dengan waktu lain.

### b. Mau'izatul Hasanah

Wasilah memberikan tarbiah dan gaya bertarbiah adalah untuk menghampiri bukan makin dijauhi, memberikan jalan bukan menyesatkan, menyayangi dan bukan membenci. Terdapat sebilangan bentuk pengajaran dan kata-kata nasihat yang berpanduan terhadap apa yang boleh didapati dalam kalamullah dan konteks khabar berita yang memberi galakan dan gertakan yang



menyeramkan kemudian diiringi dengan ketabahan dan ketulusan dalam ucapan nasihat yang disampaikan.

#### c. Al-Mujadalah

Metode mujadalah dengan sebaik-baiknya menurut Imam Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin* menegaskan agar orang-orang yang melakukan tukar pikiran itu tidak beranggapan bahawa yang satu sebagai lawan bagi yang lainnya, tetapi mereka harus menganggap bahawa orang yang ikut menyertai mujadalah atau perdebatan itu sebagai sahabat yang saling bantu-membantu demi menggapai hakikat kebenaran.

#### 4. Golongan Profesional

Dalam konteks negara kita, profesion guru Pendidikan Islam dianggap sebagai golongan professional. Oleh itu sebagai guru Pendidikan Islam mereka bukan sahaja dituntut melaksanakan tugas secara profesional tetapi seharusnya memiliki penguasaan dan kemampuan profesional. Guru yang cekap dan memperlihatkan kemahiran adalah guru yang melaksanakan tugas perguruan dengan kemampuan yang efektif sebagai sumber kehidupan. Kendatipun demikian, guru Pendidikan Islam bukan sekadar berilmu tetapi hendaklah mempunyai kebijaksanaan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan. Guru Pendidikan Islam adalah perangsang, pembangun, pembina terhadap konteks yang tersembunyi seperti kejituan spiritual, keteguhan afektif dan psikomotor yang baik.

### KESIMPULAN

Dalam usaha menerapkan standard terbaik pendidikan negara, peranan guru pendidikan Islam adalah pilar utama terhadap kemajuan dan peningkatan mutu pendidikan di negara ini. GPI adalah pemangkin perubahan dan pendorong terhadap reformasi bentuk pendidikan negara bagi mewujudkan masyarakat modenisasi yang celik akal, berinovasi, berintegriti dan teguh dalam mengamalkan tuntutan agama dan nilai sejagat. Rakyat Malaysia dewasa kini menaruh kepercayaan menggunung terhadap semua murabbi khususnya GPI dan harapan sepenuhnya sanggup diserahkan demi amanah yang mesti dipikul dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan membentuk akhlak para pelajar. Selain itu, masyarakat juga bukan sahaja mengiktiraf keilmuan GPI malah menjadikan guru pendidikan Islam sebagai tokoh utama dalam urusan ilmu agama Islam, sehinggakan guru pendidikan Islam selalu tampil dalam sesuatu perkara kemanusiaan terutamanya di institusi pendidikan.

### RUJUKAN

- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid. (t.th). *Ihya' Ulum al- din*. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi
- Abd Rahman, S. (2016). Guru Sebagai Pengasuh, Pendidik. Utusan Malaysia. Diambil daripada <https://www.moe.gov.my/en/menumedia/printed-media/newspaper-clippings/guru-sebagai-pengasuh-pendidik-utusan-malaysia-5-ogos-2016>

- Ahmad, S. F., & Tamuri, A. H. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran j-QAF. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (2), 53-64. ISSN 1985-6236
- Ajuhary, M. K. A. (2015). Konsep Guru Menurut Islam. Kertas kerja dibentang di International Seminar On Tarbiyah (Isot2015), Pada 5-8 Mac 2015, Bertempat Di Universiti Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Ba'albaki, Dr. Ruhi. (2003). *Al-Mawrid Qamus, Bahasa Arab English*. Beirut Dar Al-'Ilm Lil Malayiin.
- Dunkin, M. J. & B. J. Biddle. (1974). *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Gani Hamzah, M. S., Basri, R., & Mohd Daud, S. (2010). *Karakter guru: Ilmu diagung, guru disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Gerges, M. G. (2005). *Mu'jam Mustalahat Al-Tarbiyyah Wa Al-Ta'lim*. Beirut, Dar al-nahdah al-arabiyyah
- Havelock, R.G. & Havelock, M.C. (1973). *Training for Change Agents: A Guide to the Design of Training Programs in Education & Other Fields*, University of Michigan Press: East Lansing
- Hj. Siren, N. R., Mohamed Salleh, N., & Ab Majid, A. (2017). *Guru sebagai pendakwah. Dlm. Nor Raudah Hj. Siren (pnyt). Vaksinasi Ummah Menerusi Jalan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1-21.
- Hilmi, M. (2004). *Al-Akhlaq bayna al-falasifah wa ulama' al-Islam*. Bairut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah
- Ishak M., Abiddin N. Z., Fakhruddin F. M., (2017). Eksplorasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat Dari Perspektif Pendidikan Pengembangan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6), 214-230.
- Jaafar @ Mustapha, M. M., Tamuri, Ab. H., & Ya, R. (2012) Konsep berilmu di kalangan guru Pendidikan Islam satu keperluan dalam membangunkan modal insan. Kertas kerja dibentangkan di International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012], pada 8-9 March 2012, bertempat di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor. Diambil daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/53933/>
- Jasmi, K. A., & Tamuri, H. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Johor*: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Jasmi, K. A., & Md. Saleh @ Masrom, S. F. (2016). *Didiklah Kami Dengan Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. (Tesis Doktor Falsafah)*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Diambil daripada <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Muhamat Kawangit, R. (2016). Pembangunan Dakwah Mualaf Di Malaysia: Cabaran Dalam Masyarakat. In: 1st International Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMUD 2013). [online] Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, ms.1-19. [https://www.researchgate.net/publication/303023907\\_Pembangunan\\_Dakwah\\_Muallaf\\_Di\\_Malaysia\\_Cabaran\\_Dalam\\_Masyarakat](https://www.researchgate.net/publication/303023907_Pembangunan_Dakwah_Muallaf_Di_Malaysia_Cabaran_Dalam_Masyarakat) [Accessed 16 Jan. 2020].
- Muhamat Kawangit, R. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, M. N. (2005). *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Putra, H. C. Adi. (2016). Analisis Pemikiran Abul A'la Al-Maududi Tentang Politik Pemerintahan. Undergraduate (S1) thesis, UIN Walisongo.

- Rosenthal, F. (1992). *The Classical Heritage in Islam*. (Emile & Jenny Marmorstein, Trans.). London: Routledge. ISBN 9780415076937.
- Safar, A@ J., Muhammad, A. M., & Wan Embong, W. H. (2014). Pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia sebagai asas kecemerlangan pencapaian sains dan teknologi. In: Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi dalam Konsep dan Aplikasi (Elcist 2014), 26 Nov, 2014, Skudai, Johor.
- Shaari, A. S. (2008). *Guru Berkesan: Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Subhan, F. (2013). Konsep Pendidikan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2(2), 354-373.
- Taat, M. S., Hj Abdullah, M. Y., Mohamad, B., Talip, R., Ambotang, A. S., & Zain, S. (2012). Pelajar Seimbang dan Guru Syumul. *Utusan Borneo*. Diambil daripada <http://eprints.ums.edu.my/3342/>
- Tamuri, A. H., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *GJAT: Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63. ISSN: 2232-0474
- Yaljan, M. (1986). *Peranan Pendidikan Akhlak Islam dalam Membangun Peribadi Masyarakat dan Budaya Manusia*. terj. Ys. Tajuddin Nur. Penerbitan Pustaka Antara: Kuala Lumpur
- Zainal, N. A. S. & Mustari, M. I. (2012). Penerapan Metode Dakwah Di Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]) at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor on 8-9 March 2012, pp. 51-69. ISBN: 99917-44-89-4.